

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

1. Bagaimanakah Pulau Pinang terlibat secara langsung dalam World Expo Osaka 2025?
  - (a) Apakah sasaran dalam ekspo berkenaan?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah ditetapkan untuk menyelaraskan aktiviti dan program di Pavilion Malaysia pada minggu ke-24 bersama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu dalam tempoh 21 September 2025 hingga 28 September 2025 di Yumeshima Island, Osaka, Jepun. Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) telah dilantik sebagai *lead state* bagi penyertaan ini dengan kerjasama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (BPEN) dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Penyertaan ini diharap akan memperkukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang di pentas dunia sebagai destinasi pelaburan, pelancongan dan inovasi masa hadapan.
  - (a) Antara sasaran penyertaan ke Expo 2025 Osaka adalah seperti berikut:
    - (i) Membuka peluang dan ruang kepada syarikat tempatan untuk memasuki pasaran di peringkat global dengan menganjurkan sesi *business matching* antara usahawan Pulau Pinang dengan rakan niaga global;
    - (ii) Membuka peluang perniagaan dan limpahan manfaatnya kepada syarikat-syarikat lain dan rakyat Pulau Pinang;

- (iii) Mempromosikan produk agensi dan syarikat-syarikat di peringkat antarabangsa dengan mengadakan sesi *pocket talk* atau pembentangan mini bagi memperkenalkan produk, perkhidmatan, inovasi dan keunikan Pulau Pinang kepada pengunjung antarabangsa;
- (iv) Meningkatkan potensi perdagangan dan pelaburan kepada Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun; dan
- (v) Meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai hab pelaburan, pelancongan dan inovasi dalam konteks pembangunan mampan dan ekonomi digital.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

2. Senaraikan 10 buah negara dan jumlah pelancong asing tertinggi yang melawat ke Pulau Pinang dari tahun 2021 hingga 2025.
  - (a) Apakah usaha untuk menarik pelancong ke Pulau Pinang, khususnya pelancong dari Jepun?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Senarai 10 buah negara dan jumlah pelancong asing tertinggi yang melawat ke Pulau Pinang dari tahun 2021 hingga 2025 adalah seperti di **Jadual 1**. Data ini merupakan ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan angka ini tidak termasuk ketibaan pelancong asing melalui penerbangan domestik, darat atau laut.

**Jadual 1**

**10 Buah Negara dan Jumlah Pelancong Asing Tertinggi Yang  
Melawat ke Pulau Pinang (2021-2025).**

<b>BIL</b>	<b>NEGARA</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025 (Jan - Mac)</b>
1	INDONESIA	866	138,219	345,786	369,088	95,227
2	CHINA	103	5,918	37,711	120,245	45,393
3	SINGAPURA	215	96,579	186,353	177,882	35,559
4	TAIWAN	187	4,292	35,223	42,035	10,819
5	THAILAND	44	11,270	21,652	30,589	6,765

<b>BIL</b>	<b>NEGARA</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025 (Jan - Mac)</b>
6	UNITED KINGDOM	118	6,821	15,500	19,707	6,281
7	AMERIKA SYARIKAT	96	9,581	20,601	21,422	6,142
8	INDIA	25	3,336	7,348	11,127	5,045
9	AUSTRALIA	108	9,273	16,986	17,699	4,779
10	JEPUN	336	4,963	13,285	15,243	4,554

- (a) Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) sedang merancang pelbagai inisiatif untuk mempromosikan Pulau Pinang di Jepun pada tahun 2025 dengan tumpuan kepada pengukuhan hubungan budaya dan penyertaan dalam acara pelancongan utama.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyertai *Tourism Expo Japan 2025* yang akan berlangsung dari 25 hingga 28 September 2025 di Aichi Sky Expo, Jepun. Acara ini merupakan salah satu pameran pelancongan terbesar di Asia dan menyediakan platform untuk mempromosikan destinasi kepada pelancong dan penggiat industri pelancongan Jepun. Kerajaan Negeri juga akan menyertai *World Expo* di Osaka pada bulan September 2025.

PGT juga bekerjasama dengan syarikat penerbangan dan agensi pelancongan untuk meningkatkan keterhubungan antara Jepun dan Pulau Pinang. PGT juga menjalankan promosi bersama dengan menekankan keunikan budaya, warisan dan tarikan gastronomi Pulau Pinang kepada pasaran Jepun. Kerajaan Negeri turut menganjurkan serta menyokong program-program kebudayaan Jepun di Pulau Pinang iaitu Yosakoi Parade, Bon Odori dan Aki Matsuri bersama Pejabat Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang serta Persatuan-persatuan Bahasa Jepun di Pulau Pinang.

Terjemahan risalah-risalah pelancongan ke Bahasa Jepun telah dilakukan untuk memenuhi pasaran Jepun.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

3. Nyatakan statistik kes ragut dan pecah rumah di Pulau Pinang dari tahun 2021 hingga 2025.
- (a) Apakah rancangan dan tindakan yang diambil oleh pelbagai agensi untuk menangani kes berkenaan di negeri ini?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

3. Statistik kes ragut dan pecah rumah yang berlaku di Pulau Pinang dari tahun 2021 sehingga Mac 2025 adalah seperti berikut:

<b>Kategori Kes</b>	<b>Tahun 2021</b>	<b>Tahun 2022</b>	<b>Tahun 2023</b>	<b>Tahun 2024</b>	<b>Tahun 2025 Jan-Mac</b>
<b>Curi Ragut</b>	174	130	44	83	19
<b>Pecah Rumah</b>	785	625	743	647	123

- (a) Dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di Pulau Pinang, PDRM Pulau Pinang bersama agensi-agensinya Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin. Langkah – langkah yang diambil adalah seperti berikut:
- (i) Tindakan proaktif diambil bersama-sama agensi kerajaan yang lain dengan mengadakan Operasi Bersepadu di samping mempertingkatkan operasi-operasi yang sedia ada secara berkala seperti Op Dadu, Op Noda, Op Cantas, Op Rentap, Op Pintu, Op Lejang dan Op Luluh. Kesemua penugasan ini

ditumpukan pada tempat-tempat yang sering berlaku jenayah dan menjadi punca peningkatan kes jenayah;

- (ii) Jenayah-jenayah yang menjadi penyumbang utama kes misalnya Lain-lain curi, Curi Motosikal, Pecah Rumah dan Samun akan ditangani secara lebih berkesan dengan mewujudkan *Task Force* sama ada di peringkat IPK dan daerah dalam usaha menangani jenayah tersebut;
- (iii) Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), rondaan kereta peronda (MPV) dan operasi-operasi berkala ke atas tempat-tempat sasaran yang menghadapi peningkatan jenayah; dan
- (iv) Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga hartabenda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan *Cop* untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

4. Rumah usang di tapak warisan akan membahayakan orang awam dan menjejaskan imej negeri. Apakah tindakan yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pada tahun 2022, pihak George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) telah menjalankan kajian dan semakan inventori bangunan usang di tapak dan mendapati terdapat 120 buah bangunan usang di tapak dan terdapat 11 bangunan usang yang dikategorikan sebagai bahaya dan memberi kacau ganggu kepada orang awam. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk diambil tindakan.

MBPP telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan notis kepada pemilik tanah/bangunan yang terlibat di bawah Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi tujuan menghapuskan kacau ganggu tersebut.

Sejak tahun 2023 sehingga Mac 2025, sebanyak 20 buah bangunan telah menjalani kerja-kerja pemulihan hasil tindakan susulan daripada notis yang dikeluarkan. Selain itu, sebanyak 23 bangunan lagi sedang dalam proses pematuhan terhadap notis yang dikeluarkan oleh MBPP, sama ada melalui pengemukakan permohonan pelan kepada MBPP atau pelaksanaan kerja-kerja pemulihan di tapak.

Pada tahun 2024, pihak GTWHI telah melancarkan Projek Insentif Pembaikan Untuk Bangunan Warisan Kategori I dan II dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Projek ini bertujuan memberi bantuan kepada pemilik bangunan untuk membaiki dan memulihara bangunan warisan mereka. Sebanyak 52 bangunan warisan Kategori I dan 367 bangunan warisan Kategori II terlibat dalam projek ini.

Projek Insentif Pembaikan Untuk Bangunan Warisan ini membantu meningkatkan imej bangunan warisan sekali gus melindungi dan memelihara Nilai Keunggulan Sejagat Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Insentif ini membantu dan memberi sokongan kepada pemilik bangunan untuk mengekalkan seni bina dan bahan binaan bangunan kekal utuh. Insentif ini juga dapat membantu meringankan beban kewangan pemilik bangunan dan menggalakkan penyelenggaraan bangunan warisan dan bukannya pengabaian atau perobohan.

Projek ini juga membolehkan pemilik bangunan mengekalkan hak milik dan tidak menjual bangunan warisan. Ini membolehkan komuniti tempatan dapat dikekalkan dan penggunaan bangunan asal atau guna suai semula yang bersesuaian dapat diteruskan untuk menjamin kelangsungan hayat bangunan warisan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Dengan adanya projek seperti ini, maka permintaan untuk kemahiran pertukangan tradisional meningkat dan amat diperlukan. Pihak kontraktor juga diberi bantuan bengkel asas pemuliharaan untuk memahami kepentingan dan kaedah terbaik bagi kerja membaiki dan memulihara bangunan warisan. Ini secara langsung memberi banyak peluang dan menghidupkan semula pertukangan tradisional dan mencipta peluang pekerjaan khusus berkaitan warisan.

Bangunan-bangunan warisan yang dibaiki dan dipelihara ini akan kelihatan lebih menarik dan mampu menarik lebih ramai pelawat dari dalam dan luar negeri serta menjadikan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sebagai destinasi warisan utama di peringkat global.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

5. Berapakah operasi menyelamatkan telah diadakan?
- (a) Nyatakan jumlah gelandangan yang berjaya diselamatkan.
  - (b) Bagaimanakah untuk mengendalikan gelandangan yang mempunyai masalah mental, terlibat dadah dan gelandangan yang mempunyai penyakit berjangkit?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKM), sebanyak 379 operasi menyelamatkan telah dilaksanakan di seluruh negeri Pulau Pinang. Operasi ini dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah utama, iaitu secara bersama agensi lain, secara berjadual serta secara *ad-hoc* berdasarkan aduan awam.
- (a) Sepanjang tahun 2024, sebanyak 351 orang telah diselamatkan dalam operasi yang dijalankan bersama agensi, berjadual dan secara aduan/ *ad-hoc*. Perincian operasi mengikut daerah adalah seperti **LAMPIRAN A**.
  - (b) Untuk makluman, di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183], pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) tidak mengendalikan kes-kes yang melibatkan tujuh (7) jenis kriteria yang berikut:
    - (i) Kes Bukan Warganegara;

- (ii) Kes Pemegang Kad *United Nations High Commission for Refugees* (UNHCR);
- (iii) Kes Disyaki Berpenyakit Mental;
- (iv) Kes Disyaki Mempunyai Masalah Kesihatan Kronik/ Penyakit Berjangkit;
- (v) Kes Disyaki Penagih Dadah;
- (vi) Kes Menghidu Gam;
- (vii) Kes Ketagihan Alkohol; dan
- (viii) Kes Kutipan Derma Tanpa Kelulusan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui JKM atas budi bicara sedia membantu. Kes-kes yang diterima oleh pihak JKM yang melibatkan gelandangan di bawah kriteria tersebut, akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kesihatan Negeri untuk mengambil langkah intervensi. Operasi bersama untuk menyelamatkan gelandangan yang dihadiri oleh agensi tersebut juga akan diadakan untuk menangani isu tersebut.

LAMPIRAN A

**JUMLAH MENGIKUT JENIS TINDAKAN YANG DIJALANKAN DAN JUMLAH YANG DIAMBIL TINDAKAN SEPANJANG TAHUN 2024 MENGIKUT DAERAH BAGI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG**

DAERAH	TINDAKAN MENGAMBIL			ORANG PAPA YANG DISELAMATKAN
	BERSAMA	BERJADUAL	AD-HOC / ADUAN	
TIMUR LAUT	2	43	103	150
SEBERANG PERAI UTARA	4	26	29	58
SEBERANG PERAI TENGAH	1	29	79	103
SEBERANG PERAI SELATAN		12	7	7
BARAT DAYA	1	17	26	33
Jumlah	8	127	244	351

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

6. Gangguan elektrik kerap berlaku di beberapa lokasi di kawasan KOMTAR khususnya Lebuh Campbell dan Jalan Macalister. Nyatakan punca gangguan elektrik dan cara penyelesaian.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Punca utama berlakunya gangguan bekalan elektrik di Jalan Macalister dan Lebuh Campbell adalah beban yang berlebihan. Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengambil tindakan segera untuk menangani gangguan bekalan di kawasan tersebut. TNB juga kini sedang melaksanakan enam (6) projek untuk menaik taraf sistem bekalan elektrik voltan rendah (*low voltage*, LV) di kawasan tersebut dengan kos sebanyak RM3.2 juta. Perincian punca gangguan bekalan elektrik, penyelesaian dan projek penaiktarafan sistem di Jalan Macalister dan Lebuh Campbell adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Penaiktarafan sistem yang sedang dilaksanakan akan menangani isu gangguan bekalan elektrik di kawasan tersebut dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

## LAMPIRAN A

### PUNCA GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK DAN PENYELESAIAN DILAKSANAKAN TNB DI JALAN MACALISTER DAN LEBUH CAMPBELL

BIL.	LOKASI	PUNCA	TINDAKAN	PROJEK	JANGKA SIAP
1	Jalan Kek Chuan off Jalan Macalister	Beban berlebihan	Pemindahan beban kepada punca alternatif telah siap pada 31 Januari 2025.	Menaiktaraf kapasiti alat ubah ( <i>feeder pillar</i> ) di Pencawang Elektrik (P/E) Menara UMNO dan merentang kabel baharu.	Mei 2025
2.	Jalan Krian off Jalan Macalister	Beban berlebihan	Penggantian kabel polivinil klorida (polyvinyl chloride, PVC) lama kepada jenis kabel bertebat di udara (aerial bundled cable, ABC) telah siap pada 7 November 2024.	Memasang alat ubah baharu dan merentang kabel keluar ke bangunan lot.	Mei 2025
3.	Lorong Aboo Siti off Jalan Macalister	Beban berlebihan	Pemindahan beban kepada punca alternatif telah siap pada 5 Disember 2024	Merentang kabel baharu dari P/E Lorong Aboo Siti ke alat ubah hadapan premis.	Disember 2025
4	Lorong Selamat off Jalan Macalister	Beban berlebihan	Pembaikan kabel voltan rendah ( <i>low voltage, LV</i> ) dan pengujian penebatan ( <i>insulation resistance</i> ,	Konfigurasi semula kabel LV dengan merentang beberapa kabel dari alat ubah sedia ada ke bangunan kedai.	Disember 2025

			IR) kabel LV tersebut telah siap pada 26 April 2025.		
5	Jalan Rangoon off Jalan Macalister	Beban berlebihan	Pembaikan kabel LV dan pengujian penebatan kabel LV tersebut telah siap pada 27 Januari 2025.	Konfigurasi semula kabel LV dengan merentang beberapa kabel keluar ( <i>outgoing</i> ) dari alat ubah sedia ada ke bangunan kedai.	Disember 2025
6	Lebuh Campbell	Beban berlebihan	(i) Pemindahan beban kepada punca alternatif telah siap pada 9 Februari 2025; dan (ii) Penukaran kabel servis dan fuis pengguna yang tidak mematuhi piawaian telah siap pada 11 Mac 2025.	Merentang kabel baharu dari alat ubah baharu dan konfigurasi semula kabel LV.	September 2025

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

7. Skim sewa beli (RTO) sememangnya memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang. Nyatakan skim perumahan RTO yang sedang dan akan dijalankan.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sentiasa komited dalam menyediakan peluang pemilikan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui pelaksanaan Skim Sewa Beli (*Rent To Own – RTO*).

Skim perumahan RTO yang sedang dan dalam perancangan pelaksanaan adalah seperti di **Jadual 1 dan 2** berikut:

<b>BIL.</b>	<b>SKIM PERUMAHAN</b>	<b>JENIS RMKu</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>
1	RUMAH PANGSA DESA WAWASAN	A	912
2	TAMAN SERULING EMAS	A	51
3	TAMAN SUNGAI DURI PERMAI	A	104
4	PANGSAPURI MEKARSARI RMM A	A	21
5	PANGSAPURI MEKARSARI RMM B	B	23
6	BANDAR PUTRA BERTAM	A	1

**Jadual 1:** Perincian Skim RTO Yang Sedang Dilaksanakan Mengikut Projek Dan Jumlah Unit

<b>BIL.</b>	<b>SKIM PERUMAHAN</b>	<b>JENIS RMKU</b>	<b>JUMLAH UNIT</b>
1	B PARK, BARAT DAYA	A	500
2	AMPANG JAJAR	B	360
3	BUKIT GEDONG	B	300
4	TAMAN KOTA WARISAN, SPIRIT OF PERAI	A	372
5	LOT 10559, MUKIM 10, SPS (SUNGAI CHENAAM)	A	180

**Jadual 2:** Perincian Skim RTO Dalam Perancangan Pelaksanaan Mengikut Projek Dan Jumlah Unit

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

8. Nyatakan statistik bagi fi hotel yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 hingga 2025.
- (a) Nyatakan fi hotel yang telah dibelanjakan.
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan semua pengusaha hotel mengutip dan menyerahkan fi hotel berkenaan kepada kerajaan?
- (c) Jika didapati ianya tidak diserahkan, apakah tindakan akan diambil?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Statistik bagi fi hotel yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2021 hingga 2025 adalah seperti **Jadual 1**.

**Jadual 1:  
Jumlah Kutipan Fi Hotel Mengikut Tahun (2021-2025)**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KUTIPAN (RM)</b>
2021	92.00
2022	1,458,591.00
2023	10,628,531.12
2024	11,469,106.00
2025	3,020,487.00 (sehingga 31 Mac 2025)

- (a) Fi hotel yang telah dibelanjakan pada tahun 2022 hingga 2023 adalah seperti **Jadual 2**.

**Jadual 2 :**  
**Perbelanjaan Fi Hotel (2022-2023)**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>
2022	2,160,000.00
2023	1,200,000.00

Bagi tahun 2021, kesemua program pelancongan tidak dapat dijalankan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara. Seterusnya, berkuat kuasa 16 Ogos 2023, Kerajaan Negeri telah meluluskan bagi kutipan dan bayaran fi hotel untuk disalurkan sebagai hasil negeri.

- (b) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dipertanggungjawabkan untuk membuat kutipan fi hotel daripada pengusaha-pengusaha hotel dan seterusnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Sebarang Perai (MBSP) akan memantau dan membuat kutipan bayaran fi hotel, termasuk mengeluarkan notis kepada pengusaha hotel jika gagal mengemukakan kutipan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Hotel (MBPP/MBSP) 2017.
- (c) MBPP dan MBSP boleh membuat tuntutan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Hotel (MBPP/MBSP) 2017 sekiranya pengusaha hotel tidak membuat bayaran fi hotel.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

9. Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri ini sebagai sebuah *Smart City*?
- (a) Adakah pelaksanaan *Smart City* memerlukan satu platform atau sistem *backend* yang menyeluruh untuk menyelaraskan semua inisiatif *Smart City* agar segala pangkalan data dapat dikongsi bersama dan tidak mempunyai masalah 'silo'?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah merealisasikan matlamat menjadikan negeri ini sebagai sebuah *Smart City* yang mampan dan berdaya saing.

Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah utama termasuk melaksanakan Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang yang menjadi kerangka hala tuju negeri ke arah Negeri Pintar menjelang tahun 2030, selaras dengan Visi Penang2030. MBPP juga membangunkan infrastruktur digital seperti rangkaian 5G, *Internet of Things* (IoT), dan jalur lebar berkelajuan tinggi serta mempercepatkan pendigitalan perkhidmatan awam melalui aplikasi mudah alih seperti *Pearl Super Apps*.

Salah satu tonggak penting pelaksanaan Smart City di MBPP ialah penggunaan platform *Virtual Island of Penang* (VIP), yang berfungsi sebagai *Smart City Management Platform* (SMP). Platform ini menyelaraskan data dan inisiatif dari pelbagai agensi, menyediakan

pemantauan bandar secara masa nyata dan menyokong analitik pintar untuk pengambilan keputusan berasaskan data (data driven decision making).

Sementara itu, di Seberang Perai MBSP telah melaksanakan pelbagai inisiatif pintar seperti:

- (i) Sistem INFLOS (*Integrated Flood and Monitoring Pump House System*) bagi pemantauan banjir secara automatik dan efisien;
  - (ii) Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) berteknologi AI, yang membantu dari segi keselamatan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran; dan
  - (iii) Penggunaan Smart Energy Analyzer (SEA) untuk pemantauan dan kecekapan penggunaan tenaga sistem pencahayaan awam.
- (a) Pelaksanaan *Smart City* memerlukan satu platform atau sistem *backend* yang menyeluruh untuk menyelaraskan semua inisiatif agar tidak berlaku masalah 'silo' atau pemisahan data. MBSP misalnya mengamalkan pendekatan *dual concept*, di mana satu platform utama disokong oleh beberapa platform operasi dan kesemuanya diintegrasikan melalui *Data Exchange Platform*.

Pelaksanaan ini juga melibatkan pembinaan pusat kawalan berpusat untuk mengurus sistem seperti CCTV, INFLOS dan SPGIS (Seberang Perai Geospatial Information System). MBSP turut sedang membangunkan sistem pangkalan data berpusat serta penggunaan *dashboard* analitik untuk pemantauan dan membuat keputusan berdasarkan data.

Melalui pendekatan ini, semua sistem pintar dapat beroperasi secara bersepadu, saling melengkapi dan menyokong satu matlamat bersama iaitu untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pintar yang cekap, selamat dan lestari.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

10. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memasang panel solar di semua perhentian bas agar dapat terus memacu Pulau Pinang sebagai satu negeri hijau selaras dengan Visi Penang2030?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan inisiatif untuk memasang panel solar di beberapa hentian bas sebagai sebahagian daripada usaha memacu negeri ini ke arah Visi Penang2030, iaitu menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan pintar.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menaik taraf pondok perhentian bas sedia ada yang lama dan rosak teruk secara berperingkat bermula dari tahun 2010 sehingga kini. MBPP telah menaik taraf pondok perhentian bas lama jenis *galvanized steel* kepada jenis *tempered glass* yang lebih mesra pengguna dari segi keselesaan dan keselamatan pengguna. Pada masa kini, sebanyak 600 buah pondok perhentian bas telah dibina di seluruh kawasan pulau, Pulau Pinang.

Di samping itu, pondok perhentian bas juga telah dipasang dengan lampu untuk tujuan pencahayaan demi keselamatan pengguna-pengguna bas awam pada waktu malam. Terdapat dua (2) jenis pemasangan lampu pada pondok perhentian bas iaitu pemasangan lampu menggunakan panel solar dan pemasangan lampu menggunakan kabel elektrik (pemasangan meter TNB dan *tapped* pada lampu jalan berhampiran). Pada masa kini, sebanyak 352 pondok perhentian bas telah dipasang lampu untuk pencahayaan.

Daripada 352 buah pondok perhentian bas tersebut, 47 telah dipasang dengan lampu menggunakan panel solar.

Pemasangan lampu solar pada pondok perhentian bas bergantung kepada keadaan sekitar kawasan pondok perhentian bas tersebut. Lampu solar akan dipasang pada pondok perhentian bas sekiranya kawasan tersebut tidak dihalang oleh dahan atau ranting pokok. Jika kawasan sekitar pondok perhentian bas mempunyai dahan pokok yang boleh menghalang cahaya matahari ke bumbung pondok perhentian bas, lampu akan disambung menggunakan meter TNB atau *tapped* pada lampu jalan berhampiran akan digunakan pada pondok perhentian bas tersebut.

Kerja-kerja pemasangan lampu solar pada pondok perhentian bas telah bermula pada tahun 2024 dan dilaksanakan secara berfasa pada tahun 2025 sehingga tahun 2026. Pemasangan lampu solar panel pada pondok perhentian bas adalah sebagai salah satu usaha MBPP untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau selaras dengan Visi Penang2030.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

11. Nyatakan berapa permohonan Geran Sejati Madani yang diterima.
- (a) Berapakah yang telah diluluskan dan nyatakan jenis permohonan serta jumlah dana yang diluluskan bagi setiap permohonan?
  - (b) Berapakah permohonan yang tidak berjaya dan sedang diproses?
  - (c) Nyatakan baki dana geran ini.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Sebanyak 821 permohonan telah diterima untuk Program Sejati Madani, di mana 497 permohonan yang telah diluluskan dengan jumlah geran sebanyak RM47,412,155.00 melibatkan lima (5) sektor utama iaitu pertanian dan makanan, hospitaliti dan pelancongan, aktiviti hijau dan kitar semula, jahitan dan kraftangan serta herba dan kesihatan. Butiran permohonan yang telah diluluskan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) 257 permohonan telah ditolak, manakala 67 permohonan yang masih dalam proses pertimbangan Jawatankuasa.
- (c) Baki geran sehingga 30 April 2025 adalah sebanyak RM14,340,710.00.

**SENARAI PERMOHONAN NEGERI PULAU PINANG YANG TELAH DILULUSKAN DI BAWAH  
GERAN SEJATI MADANI**

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
1	MPKK KAMPUNG MAQBUL	MPKK	71,355.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
2	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG SIMPANG EMPAT BALIK PULAU	MPKK	58,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
3	MPKK KAMPUNG BENGGALI	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
4	MPKK KAMPUNG HERRIOT	MPKK	62,700.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
5	MPKK MAHSURI	MPKK	86,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
6	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG	MPKK	63,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
7	SUNGAI BAKAP SELATAN	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
8	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG PULAU AMAN	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
9	KAMPUNG BAGAN BUKIT TAMBUN	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
10	MPKK PULAU MERTAJAM	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
11	MPKK SUNGAI NIPAH KAMPUNG NARAN	MPKK	97,150.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
12	MPKK BANDAR BARU JELUTONG	MPKK	35,610.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
13	MPKK JALAN TENGAH SELATAN	MPKK	73,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
14	SUNGAI SETAR	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
15	TASEK JUNJONG	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
16	MPKK TANJUNG BUNGAH	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
17	MPKK LEBUH MACALLUM	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
18	SUNGAI CHENAAM	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
19	MPKK KAMPUNG PAK ABU	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
20	MPKK SUNGAI ACHEH	MPKK	100,000.00	JAHITAN DAN KRAFTANGAN
21	TAMAN MERAK SIMPANG AMPAT	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
22	MPKK PERAI (KG MAIN ROAD)	MPKK	99,640.00	JAHITAN DAN KRAFTANGAN
23	MPKK TAMAN WIRA	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
24	MPKK JALAN TENGAH UTARA	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
25	MPKK PYKETT AVENUE/NORTHAM ROAD	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
26	MPKK SUNGAI EMAS	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
27	MPKK LADANG MALAKOFF	MPKK	25,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
28	MPKK SUNGAI NIBONG KECIL	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
29	MPKK LADANG MALAKOFF	MPKK	75,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
30	MPKK PASIR GEBU	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
31	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI CHEROK TOK KUN	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
32	MPKK LENGKOK BAWAH	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
33	KOMUNITI KAMPUNG JALAN BHARU	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
34	MPKK TOK KANDU	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
35	MPKK JALAN TENGGIRI	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
36	MPKK BAKAR KAPOR	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
37	KEBUN SIREH BUKIT MERTAJAM	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
38	MPKK TELUK IPIL	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
39	MPKK JALAN GAJAH	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
40	MPKK KAMPUNG DATUK	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
41	MPKK PERMATANG JANGGUS	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
42	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG PEKAN DARAT	MPKK	35,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
43	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG PEKAN DARAT	MPKK	65,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
44	MPKK JALAN KEDAH	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
45	MPKK PONGSU SERIBU	MPKK	70,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
46	MPKK PONGSU SERIBU	MPKK	30,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
47	TAMAN PERWIRA BUKIT MERTAJAM	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
48	MPKK PENAGA	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
49	MPKK BUKIT BENDERA	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
50	MPKK PERMATANG RAMBAI	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
51	MPKK PAYA KELADI	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
52	MPKK MENGGUANG SEMARAK	MPKK	90,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
53	PADANG LALANG	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
54	MPKK KUALA MENGGUANG	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
55	MPKK KAMPUNG TOK SANI	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
56	MPKK TASEK MUTIARA UTARA	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
57	MPKK HENG CHOON THIAN	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
58	MPKK SUNGAI KECHIL	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
59	MPKK SUNGAI DURI	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
60	MPKK ISLAND PARK	MPKK	99,956.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
61	MPKK SUNGAI RUSA	MPKK	87,400.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
62	MPKK KAMPUNG BHARU	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
63	TAMAN LUCKY	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
64	MPKK KAMPUNG MANGGIS	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
65	MPKK ARA KUDA	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
66	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG, SUNGAI NIBONG BESAR	MPKK	83,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
67	KOMUNITI MADANI JAJAR JAYA	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
68	MPKK MENGGUANG TITI	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
69	MPKK BUKIT MINYAK MK13	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
70	MPKK TAMAN SEJAHTERA	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
71	MPKK TAMAN BAGAN	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
72	MPKK PERMATANG SINTOK	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
73	MPKK CLAN JETTIES	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
74	MPKK KAMPUNG BARU SUNGAI KECHIL	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
75	MPKK BUKIT TENGAH	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
76	MPKK CHAIN FERRY	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
77	MPKK BAKAU TUA	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
78	MPKK KEBUN BARU	MPKK	49,800.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
79	MPKK KEBUN BARU	MPKK	49,814.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
80	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG KUBANG MENERONG	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
81	MPKK TASEK MUTIARA TENGAH	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
82	MPKK TANJONG TOKONG	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
83	MPKK NIBONG TEBAL	MPKK	99,900.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
84	MPKK KAMPUNG TOK BEDU	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
85	MPKK KAMPUNG SIMPAH	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
86	MPKK PERMATANG PAUH/SAMA GAGAH	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
87	MPKK BUKIT GEDUNG	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
88	MPKK KAMPUNG PERLIS	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
89	MPKK BERTAM INDAH	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
90	MPKK SUNGAI BAKAU	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
91	MPKK TAMAN KOSKAM	MPKK	50,000.00	JAHITAN DAN KRAFTANGAN
92	MPKK TAMAN KOSKAM	MPKK	50,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
93	MPKK DESIRAN TANJUNG	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
94	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG TAMAN BARU	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
95	MPKK KAMPUNG BENGGALI SUNGAI PUYU	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
96	MPKK BAGAN DALAM	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
97	SIMPANG TIGA NIBONG TEBAL	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
98	MPKK PENGKALAN WELD	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
99	MPKK KAMPUNG BELAH DUA	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
100	MPKK KAMPUNG BARU WELLESLEY	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
101	MPKK PAJAK SONG	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
102	MPKK KAMPUNG TUN SARDON	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
103	MPKK SUNGAI NIBONG PANTAI	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
104	MPKK DATO' KERAMAT	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
105	MPKK JALAN SEMBILANG	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
106	MPKK TASEK GELUGOR	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
107	MPKK PENGKALAN TAMBANG	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
108	TAMAN MANGGA JURU	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
109	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG RAJA UDA	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
110	MPKK TAMAN SERI AKASIA - SPG 3 KUBANG ULU	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
111	PERMATANG SERDANG	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
112	MPKK TELUK TEMPOYAK	MPKK	95,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
113	KUBANG SEMANG MUKIM 20	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
114	MPKK KAMPUNG BARU (SPU)	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
115	MPKK PERMATANG LANGSAT	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
116	MPKK KAMPUNG MAKAM, PULAU PINANG	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
117	JALAN THAMBY KECIL	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
118	MPKK TANAH LIAT MK 9	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
119	KAMPUNG BESAR	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
120	MPKK TASEK	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
121	KAMPUNG SEKOLAH JURU	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
122	MPKK KAMPUNG CHANGKAT DAIN	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
123	PEARL CITY	MPKK	100,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
124	MPKK KAMPUNG VALDOR	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
125	MPKK SUNGAI NIBONG KECIL MK13	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
126	MPKK LEBUH PASAR	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
127	MPKK BATU KAWAN	MPKK	100,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
128	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG NYIOR SEBATANG	MPKK	75,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA KOMUNITI</b>	<b>JENIS KOMUNITI</b>	<b>NILAI GERAN DILULUSKAN (RM)</b>	<b>SEKTOR</b>
129	MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG NYIOR SEBATANG	MPKK	25,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
130	MPKK PERMATANG PASIR	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
131	MPKK PERSIARAN GURNEY	MPKK	98,000.00	PERTANIAN DAN MAKANAN
132	MPKK KAMPUNG MANIS	MPKK	80,000.00	JAHITAN DAN KRAFTANGAN
133	MPKK KAMPUNG PISANG	MPKK	97,800.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
134	KAMPUNG RANGKAIAN CHANGKAT	MPKK	100,000.00	PELANCONGAN DAN HOSPITALITI
135	MPKK PERKAMPUNGAN JURU	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
136	MPKK JALAN AKUARIUM	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
137	MPKK FETTES PARK	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
138	MPKK JAWI JAYA	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
139	MPKK TAMAN BROWN	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
140	MPKK SUNGAI JAWI	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA
141	MPKK KG BARU JAWI	MPKK	90,000.00	AKTIVITI HIJAU DAN KITAR SEMULA

  - 3) Ketiadaan pengurusan sisa yang berkesan di premis tertentu
- (v) Penyelidikan Jangka Panjang bersama USM
- 1) Kajian selama tujuh (7) tahun bersama Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat, Universiti Sains Malaysia (USM) bagi mengumpul data spesifik berkaitan ekologi dan tabiat gagak.
  - 2) Data ini akan digunakan untuk merangka dasar serta tindakan kawalan yang lebih berimpak tinggi dan saintifik.

Sejak Januari 2024 sehingga kini, terdapat sebanyak 24 kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT kepada orang yang membela burung merpati.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

13. Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang.
- (a) Hingga kini, berapakah projek yang telah dilaksanakan?
  - (b) Apakah rancangan projek yang bakal dilaksanakan pada tahun ini dan tahun hadapan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Pelan Induk Laluan Basikal Pulau Pinang yang dimulakan pada tahun 2011 menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam usaha menyediakan infrastruktur mesra basikal yang mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dengan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempromosikan penggunaan basikal sebagai alternatif pengangkutan awam di Pulau Pinang.
- (a) Terdapat **19 projek** laluan basikal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT dan syarikat swasta. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (b) Rancangan projek yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT dan syarikat swasta pada tahun 2025 dan tahun 2026 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**SENARAI PROJEK LALUAN BASIKAL YANG TELAH  
DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN NEGERI MELALUI KEDUA-  
DUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN SYARIKAT  
SWASTA SEHINGGA KINI**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKASI LALUAN</b>	<b>PELAKSANA</b>
1.	Timur Laut	Dari Padang Kota Ke Komtar Termasuk Laluan-Laluan Sekeliling Kawasan Warisan	MBPP
2.	Timur Laut	Jambatan Merentangi Sungai Pinang	MBPP
3.	Timur Laut	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Straits Quay (Tanjong Tokong) Ke Padang Kota Lama	MBPP
4.	Timur Laut	Jambatan Basikal Dan Pejalan Kaki Yang Merentangi Outfall S22 Di Persiaran Karpal Singh	MBPP
5.	Timur Laut	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Straits Quay (Tanjong Tokong) Ke Tanjung Bungah (Flamingo Hotel)	MBPP
6.	Timur Laut	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Baik Di Sebahagian Rezab Sungai Dondang Dan Rezab Sungai Ayer Itam Serta Kawasan Sekitar Ayer Itam	MBPP
7.	Timur Laut & Barat Daya	Dari Komtar Melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Ke Queensbay	MBPP & Pemaju Ijm Land Berhad, Tropicana

**LAMPIRAN A**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKASI LALUAN</b>	<b>PELAKSANA</b>
			Ivory Sdn. Bhd., Gsd Land (M) Sdn. Bhd., CP Landmark Sdn. Bhd. & Asia Green Group
8.	Barat Daya	Dari Queensbay Ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (Termasuk Jambatan Merentangi Sungai Keluang, Sungai Tiram Dan Parit Mox)	UEM Builders Berhad
9.	Barat Daya	Pembinaan Jejantas Basikal Dan Pejalan Kaki Di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu Berdekatan Queensbay Serta Pembinaan Jambatan Basikal Merentangi Sungai Ara Dan Sungai Nibong, Pulau Pinang.	MBPP
10.	Barat Daya	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Dari Queensbay Ke Bayan Baru, Pulau Pinang	MBPP
11.	Barat Daya	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Di Lebuhraya Kampung Jawa, Bayan Baru Dan Jalan Tanjung Bungah	MBPP
12.	Barat Daya	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Di Sebahagian Jalan Mahsuri (Fasa 1)	MBPP
13.	Barat Daya	Membina Dan Menaiktaraf Laluan Basikal Dan Pejalan Kaki Di Kawasan Bayan Baru (Fasa 2)	MBPP

**LAMPIRAN A**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKASI LALUAN</b>	<b>PELAKSANA</b>
14.	Seberang Perai Tengah	Taman Tunku, Seberang Jaya	MBSP
15.	Seberang Perai Tengah	Kolam Tekoma, Bandar Perda	MBSP
16.	Seberang Perai Tengah	Kawasan Lapang Taman Inderawasih	MBSP
17.	Seberang Perai Tengah	Lingkaran Bougainvillea, Bandar Perda	MBSP
18.	Seberang Perai Selatan	Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian	MBSP
19.	Seberang Perai Selatan	Batu Kawan	MBSP

**RANCANGAN PROJEK YANG BAKAL DILAKSANAKAN OLEH  
KERAJAAN NEGERI MELALUI KEDUA-DUA PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN (PBT) DAN SYARIKAT SWASTA PADA TAHUN 2025 DAN  
2026**

BIL.	PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	TAHUN PELAKSANAAN
1.	PROJEK PEMBINAAN LALUAN BASIKAL DI KAWASAN BAYAN BARU, BAYAN LEPAS (RIZAB SUNGAI KELUANG, JALAN TENGAH, PERSIARAN MAHSURI, JALAN MAYANG PASIR, JALAN MAHSURI, DAN JALAN SULTAN AZLAN SHAH)	2,000,000.00	2024-2026
2.	KERJA-KERJA REKABENTUK DAN NAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI/ BERBASIKAL DI PESISIR SUNGAI PERAI (TAMAN INDERAWASIH - TAMAN KIMSAR), PERAI, SEBERANG PERAI TENGAH DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (FASA 2)	500,000.00	2025-2030

**LAMPIRAN B**

<b>BIL.</b>	<b>PROJEK</b>	<b>ANGGARAN KOS (RM)</b>	<b>TAHUN PELAKSANAAN</b>
3.	KERJA-KERJA REKABENTUK DAN NAIK TARAF LALUAN PEJALAN KAKI/ BERBASIKAL DI PESISIR SUNGAI PERAI (TAMAN INDERAWASIH - TAMAN KIMSAR), PERAI, SEBERANG PERAI TENGAH DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (FASA 3)	500,000.00	2025-2030
4.	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LALUAN PEJALAN KAKI/ BERBASIKAL DI TAMAN TUNKU, SEBERANG JAYA, SEBERANG PERAI TENGAH (BERSEBELAHAN TAMAN BURUNG) SERTA LAIN2 KERJA YG BERKAITAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI	500,000.00	2025-2030
5.	CADANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BAGI AKTIVITI RIADAH DI KAWASAN REHAT DAN RAWAT (R&R) BAGAN AJAM	4,289,443.00	2025-2030

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

14. Senaraikan pasar awam dan kompleks makanan yang kurang sambutan serta terbiar.
- (a) Apakah usaha pihak Kerajaan Negeri melalui PBT untuk menyelesaikan masalah ini?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Senarai pasar awam dan kompleks makanan di Pulau Pinang yang kurang mendapat sambutan serta terbiar, mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:

**Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)**

1. Pasar Kompleks Taman Terubong Jaya
2. Pasar Kompleks Jalan Rajawali
3. Pasar Kompleks Kampung Baru
4. Pasar Kompleks Lintang Macallum 2
5. Kompleks Jalan Sungai
6. Kompleks Desa Genting
7. Pasar Dato' Keramat

## **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**

1. Kompleks Makanan Kampung Jawa
  2. Kompleks Makanan Taman Selat
  3. Kompleks Penjaja Teluk Air Tawar
  4. Kompleks Makanan Taman Desa Murni
  5. Pasar Awam Tasek Gelugor (SPU)
  6. Pusat Penjaja Sementara (PPS) Taman Jawi Jaya
  7. Pusat Penjaja Sementara (PPS) Taman Seri Saujana
  8. Kompleks Residensi Panchor
  9. Pasar Awam Sungai Bakap (Tingkat Atas Sahaja)
  10. Pasar Awam Berapit (SPT)
- (a) Usaha Kerajaan Negeri melalui PBT untuk menyelesaikan masalah ini adalah seperti berikut:
- (i) Membuat pengiklanan sebut harga terbuka bagi mempelawa mana-mana pihak yang berminat untuk mengemukakan cadangan berkaitan pengurusan dan penjenamaan semula pasar awam dan kompleks makanan yang terlibat;
  - (ii) Membuat pembaikan kemudahan asas seperti kerja-kerja pembaikan bumbung, sistem saliran, pencahayaan jalan serta tandas awam sedang dijalankan secara berperingkat. Langkah ini bertujuan bagi menjamin keselesaan pengunjung dan peniaga serta memulihkan daya tarikan premis tersebut;
  - (iii) Mengadakan sesi libat urus bersama peniaga dan komuniti setempat secara berkala dengan peniaga dan komuniti setempat bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan penambahbaikan. Langkah ini memastikan

sebarang tindakan yang diambil adalah selari dengan keperluan sebenar di lapangan. Selain daripada itu, ianya juga dapat memperkukuh kerjasama antara pihak berkuasa dan komuniti;

- (iv) Menempatkan semula peniaga haram ke dalam pasar berlesen sebagai langkah untuk meningkatkan kadar penghunian gerai sekaligus mengurangkan aktiviti penjajaan yang tidak terkawal di kawasan awam; dan
- (v) Melibatkan bersama agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta FAMA melalui pelaksanaan Program Jualan Rahmah secara berkala di pasar awam terpilih. Langkah ini bukan sahaja merancakkan kembali aktiviti di pasar, malah menarik kunjungan pengguna kerana penawaran harga barangan keperluan yang lebih rendah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

15. Projek menaik taraf lorong-lorong belakang di tapak warisan dunia.
- (a) Senaraikan projek-projek yang telah disiapkan.
  - (b) Apakah projek-projek yang bakal dilaksanakan pada tahun ini dan tahun hadapan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menjalankan kerja-kerja naik taraf lorong belakang di tapak warisan dunia. Senarai projek-projek menaik taraf lorong-lorong belakang di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town yang telah disiapkan oleh MBPP adalah seperti **Jadual 1**:

Jadual 1: Senarai projek menaik taraf lorong belakang di Tapak Warisan Dunia UNESCO.

<b>BIL.</b>	<b>LOKASI PROJEK</b>	<b>TAHUN SIAP</b>
1.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Masjid Kapitan Keling Ke Jalan Kampung Kolam	2010
2.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Aceh Ke Lebuh Cannon	2017
3.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Cannon Ke Lebuh Armenian	2017

4.	Lorong Belakang Lebuh Keng Kwee	2017
5.	Lorong Sisi Jalan Cheong Fatt Tze	2018
6.	Lorong Sisi Bank Of China Di Lebuh Pantai Ke Pengkalan Weld	2018
7.	Lorong Sisi Dan Lorong Belakang Lebuh Ah Quee Ke Lorong Pitt	2019
8.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Kimberley Ke Jalan Kuala Kangsar	2019
9.	Lorong Sisi Dan Lorong Belakang Dari Lebuh Gereja Ke Lebuh Penang	2019
10.	Lorong Belakang Menghubungkan Lebuh Armenian & Lebuh Ah Quee	2020
11.	Lorong Belakang Menghubungkan Jalan Masjid Kapitan Keling & Lorong Chulia	2020
12.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lorong Steward Ke Lorong Chulia	2020
13.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Carnavon Ke Jalan Pintal Tali	2020
14.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Pantai Ke Lebuh Victoria	2020
15.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Kampung Malabar (Fasa 1)	2021
16.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Kampung Malabar (Fasa 2)	2021
17.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Kampung Malabar (Fasa 3)	2021
18.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Kampung Malabar (Fasa 4)	2021
19.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Lebuh Chulia Ke Lebuh Mutri	2021
20.	Lorong Sisi & Lorong Belakang Di Jalan Pesara Claimant	2021
21.	Lorong Belakang Di Lebuh Campbell Ke Lebuh Cintra (Fasa 1)	2022
22.	Lorong Belakang Di Lebuh Campbell Ke Lebuh Cintra (Fasa 2)	2022
23.	Lorong Belakang Dan Lorong Sisi Di Lorong Chulia Ke Lorong Pasar	2022

24.	Lorong Belakang Dan Lorong Sisi Di Jalan Sri Bahari Ke Jalan Argyll Dan Jalan Penang	2022
25.	Lorong Belakang Dan Lorong Sisi Di Lorong Pitt Ke Lebuah Ah Quee	2022
26.	Lorong Belakang Dan Lorong Sisi Di Jalan Argyll Ke Jalan Dato Koyah	2022
27.	Lorong Belakang, Lorong Sisi Dan Kawasan Lapang Di Atas Lot 537, Lebuah Union	2023

- (b) MBPP akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas projek-projek lorong belakang yang telah disiapkan dan tiada perancangan untuk melaksanakan projek tambahan buat masa ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

16. Berapakah jumlah wanita yang telah dilatih dalam program-program kepimpinan wanita di Pulau Pinang?
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan keberkesanan modul dan latihan?

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Sejak tahun 2019 hingga 2024, seramai **2,653** peserta wanita telah menghadiri pelbagai program-program kepimpinan wanita yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Antara jenis program dan bilangan peserta wanita yang terlibat adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri memastikan impak keberkesanan modul dan latihan yang dianjurkan melalui kaedah pengukuran seperti berikut:

**i. Borang Penilaian & Maklum Balas Bengkel**

Setiap program kepimpinan yang dianjurkan disertakan dengan borang maklum balas yang diberikan kepada semua peserta. Setiap maklum balas yang diterima akan dianalisis secara teliti dan diambil kira dalam usaha memperbaiki kandungan modul, pendekatan latihan serta pelaksanaan program pada masa hadapan bagi memastikan kualiti program sentiasa ditingkatkan. Di samping itu, maklum balas daripada jurulatih dan fasilitator diambil kira dalam analisis tersebut.

ii. **Tinjauan Lima Tahun Penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang**

Satu kajian soal selidik sedang dijalankan untuk menilai tahap keberkesanan Program Sidang Wanita Pulau Pinang. Kajian ini bermula pada April 2025 dan dijangka menyasarkan seramai 200 peserta Sidang Wanita yang terlibat dari tahun 2020 hingga 2024.

Kajian ini bertujuan untuk menilai *outcome* dan impak program terhadap pembangunan peserta, serta untuk mengenal pasti ruang penambahbaikan. Hasil daripada kajian ini akan digunakan untuk memperkenalkan pembaharuan serta mempertingkatkan keberkesanan modul dan pengisian pada masa akan datang

1. BENGKEL PEMBANGUNAN KEPIMPINAN WANITA

TAHUN	BENGKEL	KUMPULAN SASAR	BILANGAN PESERTA
<b>2019</b>	6 Bengkel Asas (JPWK)	JPWK : 418 Peserta	<b>788</b>
	6 Bengkel Asas (MPKK)	MPKK : 348 Peserta	
	1 Bengkel Lanjutan (JPWK)	JPWK : 22 Peserta	
<b>2020</b>	2 Bengkel Asas (JPWK)	JPWK : 110 Peserta	<b>202</b>
	2 Bengkel Asas (MPKK)	MPKK : 92 Peserta	
<b>2021</b>	1 Bengkel Asas (JPWK)	JPWK : 46 Peserta	<b>46</b>
<b>2022</b>	2 Bengkel Asas (MPKK)	MPKK :117 peserta	<b>281</b>
	2 Bengkel Asas (JPWK)	JPWK : 110 peserta	
	1 Bengkel Lanjutan	Lanjutan : 54	
<b>2023</b>	2 Bengkel Lanjutan	Sidang Wanita : 26 JPWK : 35 Peserta	<b>61</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>1,378</b>

\* Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga – JPWK

\* Majlis Pengurusan Komuniti Kampung - MPKK

**2. SIDANG WANITA PULAU PINANG**

<b>TAHUN</b>	<b>FASA PERLAKSANAAN</b>	<b>KUMPULAN SASAR</b>	<b>BILANGAN PESERTA</b>
<b>2020</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelajah Sidang Wanita</li> <li>2. Bengkel Pembangunan Kapasiti</li> <li>3. Taklimat Akhir</li> <li>4. Hari Persidangan</li> </ol>	Penduduk Pulau Pinang: 297 Luar Pulau Pinang: 0	<b>297</b>
<b>2021</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelajah Sidang Wanita</li> <li>2. Bengkel Pembangunan Kapasiti</li> <li>3. Bengkel Persediaan Perwakilan</li> <li>4. Hari Persidangan</li> </ol>	Peserta Pulau Pinang: 114 Luar Pulau Pinang: 2	<b>116</b>
<b>2022</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelajah Sidang Wanita</li> <li>2. Bengkel Pembangunan Kapasiti</li> <li>3. Bengkel Persediaan Perwakilan</li> <li>4. Hari Persidangan</li> </ol>	Peserta Pulau Pinang: 83 Luar Pulau Pinang: 9	<b>92</b>
<b>2023</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelajah Sidang Wanita</li> <li>2. Bengkel Pembangunan Kapasiti</li> <li>3. Bengkel Persediaan Perwakilan</li> <li>4. Hari Persidangan</li> </ol>	Peserta Pulau Pinang: 108 Luar Pulau Pinang: 10	<b>118</b>
<b>2024</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jelajah Sidang Wanita</li> <li>2. Bengkel Pembangunan Kapasiti</li> <li>3. Bengkel Persediaan Perwakilan</li> <li>4. Hari Persidangan</li> </ol>	Peserta Pulau Pinang: 139 Luar Pulau Pinang: 8	<b>147</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>770</b>

3. BENGKEL WANITA GERAK @ SEBERANG PERAI

TAHUN	BENGKEL	KUMPULAN SASAR	BILANGAN PESERTA
2024	BWG @ Nibong Tebal	Terbuka untuk orang awam yang berasal dari Kawasan Seberang Perai	140
	BWG @ Bukit Mertajam		104
	BWG @ Permatang Pauh		145
	BWG @ Kepala Batas		116
JUMLAH KESELURUHAN			505

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

17. Jelaskan statistik kenderaan yang dikapit dan ditunda dari tahun 2021 hingga 2025.
- (a) Adakah tindakan penguatkuasaan berkenaan berkesan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas?
  - (b) Berapakah kompaun yang telah dikeluarkan kepada orang awam bagi kesalahan meletak kenderaan di luar petak?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Jumlah keseluruhan kenderaan yang dikapit dan ditunda sejak tahun 2021 sehingga bulan April 2025 bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 59,966 buah manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula adalah sebanyak 27,045 buah. Statistik mengikut tahun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Secara amnya, kawasan yang sering mengalami kesesakan lalu lintas adalah seperti di kawasan tumpuan pelancong, pusat perniagaan/komersial, institusi pendidikan/perubatan, kawasan perumahan yang padat dan sebagainya.

Tindakan penguatkuasaan kapit dan tunda yang diambil oleh kedua-dua PBT telah berjaya mengurangkan kesesakan lalu lintas. Ini adalah kerana terdapat kenderaan-kenderaan diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya sehingga menyebabkan halangan kekal di atas jalan. Selain itu, dengan tindakan penguatkuasaan ini juga telah meningkatkan kesedaran dan disiplin pemandu kenderaan

agar lebih berhati-hati dan mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan.

- (b) Jumlah keseluruhan kompaun yang telah dikeluarkan sejak tahun 2021 sehingga bulan April 2025 bagi MBPP adalah sebanyak RM509,424.00 manakala bagi MBSP pula adalah sebanyak RM166,413.00. Perinciannya mengikut tahun dan PBT adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**STATISTIK KENDERAAN YANG DIKAPIT DAN DITUNDA SEJAK  
TAHUN 2021 SEHINGGA APRIL 2025 BAGI MAJLIS BANDARAYA  
PULAU PINANG (MBPP)**

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>KAPIT</b>	<b>TUNDA</b>
1	<b>2021</b>	8,013	2,655
2	<b>2022</b>	10,629	3,790
3	<b>2023</b>	11,114	5,091
4	<b>2024</b>	9,063	5,786
5	<b>2025 (sehingga April)</b>	2,242	1,583
<b>JUMLAH</b>		<b>41,061</b>	<b>18,905</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>59,966</b>	

**STATISTIK KENDERAAN YANG DIKAPIT DAN DITUNDA SEJAK  
TAHUN 2021 SEHINGGA APRIL 2025 BAGI MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI (MBSP)**

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>KAPIT</b>	<b>TUNDA</b>
1	<b>2021</b>	3,969	280
2	<b>2022</b>	6,983	487
3	<b>2023</b>	6,730	428
4	<b>2024</b>	6,406	496
5	<b>2025 (sehingga April)</b>	1,144	122
<b>JUMLAH</b>		<b>25,232</b>	<b>1,813</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>27,045</b>	

**JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN SEJAK TAHUN  
2021 SEHINGGA APRIL 2025 BAGI MAJLIS BANDARAYA PULAU  
PINANG (MBPP)**

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KOMPAUN (RM)</b>
1	2021	76,374.00
2	2022	126,347.00
3	2023	132,566.00
4	2024	139,951.00
5	2025	34,186.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>509,424.00</b>

**JUMLAH KOMPAUN YANG TELAH DIKELUARKAN SEJAK TAHUN  
2021 SEHINGGA APRIL 2025 BAGI MAJLIS BANDARAYA  
SEBERANG PERAI (MBSP)**

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KOMPAUN (RM)</b>
1	2021	22,107.00
2	2022	33,879.00
3	2023	49,746.00
4	2024	52,555.00
5	2025	8,126.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>166,413.00</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

18. Beras tempatan Pulau Pinang, Beras Cap Feri.

- (a) Adakah beras ini mendapat sambutan daripada kalangan warga negeri?
- (b) Berapakah yang dilaburkan terhadap beras tempatan ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 18.
- (a) Beras Cap Feri mendapat sambutan yang baik daripada rakyat Negeri Pulau Pinang.
  - (b) Tiada kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam pengeluaran Beras Cap Feri. Semua kos ditanggung oleh pihak syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd. dengan kos awalan sebanyak RM160,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

19. Apakah status terkini perkhidmatan teksi air Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan Teksi Air di Pulau Pinang. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi lain berkaitan telah menjalankan kajian awal dan telah mengenal pasti lokasi-lokasi jeti yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang di mana sebanyak empat (4) lokasi jeti telah dicadangkan untuk perkhidmatan Teksi Air ini.

Oleh itu, surat kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi permohonan untuk melaksanakan perkhidmatan teksi air telah dihantar pada 14 September 2021 dan pembentangan kepada MOT telah dibuat pada 25 April 2022. Melalui surat bertarikh 18 Oktober 2022, pihak MOT telah memberi kelulusan bersyarat kepada pihak MBPP untuk melaksanakan projek Teksi Air ini.

Sehubungan itu, pihak MBPP telah memanggil satu cadangan *Request For Proposal* (RFP) untuk melantik syarikat yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan Teksi Air ini. Dokumen RFP telah diiklankan pada 12 Disember 2022 dan ditutup pada 27 Februari 2023. Sebanyak dua (2) syarikat telah mengemukakan cadangan melalui RFP ini dan beberapa siri pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Teknikal RFP.

Seterusnya, pihak MBPP telah mengeluarkan satu Surat Niat kepada Syarikat yang berjaya. Akan tetapi, kelulusan-kelulusan lanjut

daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Laut Malaysia, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Pejabat Daerah & Tanah, Jabatan Maritim dan lain-lain agensi berkaitan perlu diperolehi terlebih dahulu oleh syarikat tersebut sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan.

Pihak Syarikat gagal mematuhi Surat Niat untuk mendapatkan semua kelulusan daripada pihak MOT untuk melaksanakan perkhidmatan Teksi Air di Pulau Pinang. Sehubungan itu, Lembaga Perolehan MBPP telah bersetuju untuk membatalkan RFP Teksi Air ini dan surat pembatalan telah dikeluarkan kepada syarikat pada 17 April 2025. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan MOT untuk mengkaji terma dan kebolehlaksanaan projek ini dengan lebih terperinci. Sekiranya RFP dibuka semula pada masa hadapan, Kerajaan Negeri berharap syarikat yang berminat akan benar-benar bersedia dan mempunyai kapasiti untuk memenuhi semua keperluan yang ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

20. Nyatakan kedai rokok elektronik (vape) mengikut KADUN.
- (a) Jabatan manakah yang akan memantau vape berkenaan agar ianya tidak disalahgunakan seperti *magic mushrooms* yang mengandungi dadah sintetik?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Bilangan premis rokok elektronik (vape) yang terdapat di Negeri Pulau Pinang mengikut KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Antara Jabatan dan agensi yang terlibat dalam memantau adalah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kastam Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNHEP).

**SENARAI BILANGAN PREMIS ROKOK ELEKTRONIK YANG MENJUAL VAPE  
MENGIKUT KADUN DARI TAHUN 2020 SEHINGGA KINI YANG TERDAPAT DI  
NEGERI PULAU PINANG**

<b>Bil.</b>	<b>KADUN</b>	<b>Jumlah</b>
1.	BERTAM	12
2.	PERMATANG BERANGAN	2
3.	SUNGAI DUA	9
4.	TELUK AIR TAWAR	10
5.	BAGAN JERMAL	15
6.	BAGAN JERMAL	13
7.	SEBERANG JAYA	9
8.	PERMATANG PASIR	2
9.	PENANTI	1
10.	BERAPIT	4
11.	MACHANG BUBOK	4
12.	PADANG LALANG	10
13.	PERAI	28
14.	BUKIT TENGAH	31
15.	BUKIT TAMBUN	12
16.	JAWI	9
17.	SUNGAI BAKAP	15
18.	SUNGAI ACHEH	6
19.	PINANG TUNGGAL	2
20.	PENAGA	5
21.	SUNGAI PUYU	1
<b>JUMLAH</b>		<b>200</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

21. Apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengelakkan jabatan mempunyai sikap mentaliti *silo* (bekerja secara terasing) agar data-data dapat dikongsi bersama antara jabatan untuk mendapatkan hasil kerja yang efisien?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penjawat awam untuk bekerja secara bersama/ berkolaborasi agar tiada sikap mentaliti *silo* (bekerja secara terasing). Di bawah Visi Penang2030, iaitu Inisiatif Strategik C3: Memperkasakan Rakyat bagi Penyertaan Masyarakat dan C4: Mempercepat Penyampaian Program dan Pembaharuan Institusi terdapat usaha pengemaskinian data merentasi jabatan/ agensi negeri. Antara usaha yang dilaksanakan sehingga tahun 2030 di bawah inisiatif ini adalah:
- (a) Pelaksanaan Dasar Perkongsian Data Sektor Awam (DPSA) sebagai panduan penting kepada Agensi Sektor Awam untuk melaksanakan perkongsian data bagi menyokong inisiatif perkongsian data antara Agensi Sektor Awam dengan Agensi Sektor Awam (G2G), Agensi Sektor Awam dengan Komuniti Perniagaan (G2B), Agensi Sektor Awam dengan Rakyat (G2C) dan Agensi Sektor Awam dengan Penjawat Awam (G2E). Dasar ini memberikan panduan kepada Agensi Sektor Awam dalam melaksanakan perkongsian data yang sah, selamat dan berkesan dengan menekankan pematuhan kepada prinsip perkongsian data dan penyediaan ekosistem perkongsian data yang cekap dan selamat.

- (b) Menghubungkan portal rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Data Terbuka Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai platform untuk penyertaan orang awam yang melibatkan pembuatan keputusan melalui perkongsian data Kerajaan kepada orang awam.
- (c) Penubuhan Majlis Statistik Data Negeri Pulau Pinang yang bertindak sebagai Majlis Tertinggi di Peringkat Negeri Pulau Pinang dalam merancang dan menentukan hala tuju bagi memperkukuh penyelarasan statistik negeri serta daerah; merangka dasar, strategi dan pelan tindakan yang jelas agar pengurusan sistem statistik rasmi negeri kekal dinamik dan relevan; menimbang dan memperakukan syor daripada Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) mengenai pengukuhan koordinasi negeri dan daerah; serta mengkomunikasikan kepentingan data dan statistik bagi memastikan keberkesanan penyampaian statistik rasmi.
- (d) Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memastikan pengurusan dan perkongsian data antara jabatan di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri dilaksanakan secara teratur, selamat, selaras dengan dasar serta *standard* yang ditetapkan di Peringkat Nasional. Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai *platform* untuk menyelaras keperluan data termasuk memaklumkan garis panduan terkini berkaitan Pengurusan Data Sektor Awam. Penyertaan melibatkan semua jabatan di bawah Kerajaan Negeri dengan tumpuan untuk memperkukuh Amalan Tadbir Urus Data yang berkesan, seiring dengan keperluan dalam era digital. Skop penyelarasan meliputi data bukan spatial dan data berformat GIS di samping menyokong usaha meningkatkan integrasi data, pematuhan kepada aspek keselamatan dan privasi serta penggunaan data terbuka secara bertanggungjawab bagi memperkukuh pembuatan keputusan yang tepat dan berasaskan data yang boleh dipercayai.
- (e) Penubuhan Pasukan Kerja Data Negeri Pulau Pinang yang berperanan untuk mengkaji dan mengenal pasti set data; melantik penyelaras data jabatan/ agensi; mendapatkan kelulusan set data terbuka; menyediakan dan menerbitkan *Meta Data*; memastikan Katalog Data jabatan/ agensi diselenggara

dan dikemaskini serta mengkaji tahap penggunaan data terbuka.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

22. Jelaskan usaha yang dilakukan oleh MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar untuk membantu usahawan tempatan dalam mempergiatkan perniagaan mereka.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Antara usaha yang dilakukan melalui MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar untuk membantu usahawan tempatan dalam mempergiatkan perniagaan adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan **Program Jelajah Pulau Pinang** di pelbagai negeri di seluruh Malaysia dengan kerjasama Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputra Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pulau Pinang (FAMA) sebagai agensi pelaksana. Program ini mengetengahkan produk-produk usahawan dan makanan-makanan popular yang menjadi identiti Negeri Pulau Pinang;
  - (ii) Penganjuran **Program Anugerah Kedai Makan Harga Patut** bagi menghargai pengusaha kedai makan tempatan di lima-lima daerah Pulau Pinang yang menyediakan makanan dengan harga berpatutan serta menepati syarat-syarat kebersihan premis;
  - (iii) Menyediakan platform promosi seperti **Program TREND Marketplace** yang diadakan 2 hingga 3 kali setiap bulan di pelbagai lokasi seperti KOMTAR, pejabat-pejabat agensi dan

badan berkanun kerajaan seperti KWSP, LHDN dan kilang-kilang sekitar negeri Pulau Pinang;

- (iv) Melaksanakan **Program Bazar Orang Kita** iaitu program kolaborasi bersama PWDC yang memfokuskan kepada usahawan-usahawan kraf tangan, batik dan barangan tradisional. Program ini diadakan di Terminal Cruise Swettenham Pier Pulau Pinang mensasarkan penumpang kapal yang berlabuh di Pulau Pinang dari Eropah dan Singapura;
- (v) Melaksanakan **Program Jelajah Taklimat Keusahawanan Pulau Pinang** yang diadakan di setiap daerah Pulau Pinang bersama agensi-agensy yang menyediakan pelbagai program bantuan, dana dan sokongan keusahawanan kepada usahawan-usahawan baru mahupun lama. Program berbentuk pameran agensi dan taklimat penerangan serta pencerahan kepada usahawan-usahawan tempatan di sekitar daerah tersebut;
- (vi) Menaja penyertaan **Usahawan Ke Pesta Pulau Pinang** dan memberi fokus serta peluang kepada peniaga-peniaga kecil dan usahawan dari rumah;
- (vii) Menaja penyertaan usahawan ke pelbagai ekspo di dalam dan luar negeri Pulau Pinang seperti Expo PERDA (EXPERT) 2024, Sabah International Food Expo 2024 (SIFEX), Satu Daerah Satu Industri Wilayah Utara, Penang International Halal Expo (PIHEX), Karnival ASEAN & Satu Daerah Satu Industri Wilayah Borneo;
- (viii) Menyediakan geran kepada Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) dan agensi yang melaksanakan program berkaitan usahawan di seluruh negeri Pulau Pinang; dan
- (ix) Bekerjasama dengan pelbagai agensi usahawan dalam menyebarkan maklumat berkaitan bantuan yang tersedia kepada usahawan dan peniaga.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(IX)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR  
YB TEH LAI HENG**

23. Memandangkan premium insurans perubatan kian meningkat dan kos hospital swasta agak tinggi, maka akan terdapat permintaan yang tinggi di hospital kerajaan.

(a) Apakah usaha inisiatif projek untuk menaik taraf fasiliti di Hospital Besar Pulau Pinang agar dapat menampung permintaan tinggi sekali gus memberi perkhidmatan lebih baik kepada pesakit khususnya golongan B40?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa memantau dan mengemukakan cadangan menaik taraf fasiliti kesihatan kerajaan di Pulau Pinang. Naik taraf ini diperlukan bagi menampung keperluan kesihatan penduduk yang semakin meningkat. Ia juga bagi menggantikan fasiliti lama yang telah usang. Antara projek menaik taraf di Hospital Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak. Projek ini dalam proses pembinaan yang mana akan menempatkan perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) serta Pediatrik. Sejumlah 164 katil akan disediakan bagi kegunaan pesakit Pediatrik dan 165 katil bagi pesakit O&G. Selain itu, projek ini turut dilengkapi dengan tiga (3) dewan bedah, perkhidmatan sokongan Radiologi, Patologi dan Farmasi. Projek ini dijangka siap pada tahun 2026; dan

- (ii) Pembinaan Blok Klinik Pakar dan Wad. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2024 di mana blok setinggi 17 tingkat akan dibangunkan dengan pelbagai klinik pakar dan wad. Projek ini melibatkan penambahan 326 katil pesakit dan dijangka siap pada 2029.